



MINISTRY OF COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA MALAYSIA

CyberSecurity
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

6 NOVEMBER 2020
UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN CYBERSECURITY MALAYSIA MENGENAI PERUNTUKAN BELANJAWAN 2021

**DATO' TS. DR. HAJI AMIRUDIN BIN ABDUL WAHAB FASC
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, CYBERSECURITY MALAYSIA**

1. Terlebih dahulu, bagi pihak CyberSecurity Malaysia saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada Kerajaan Malaysia di atas peruntukan belanjawan bagi tahun 2021 sebanyak RM27 juta ringgit bagi inisiatif meningkatkan kawalan keselamatan siber negara.
2. Peruntukan ini merupakan satu pengiktirafan kepada CyberSecurity Malaysia dan ianya jelas menunjukkan bahawa Kerajaan amat komited dalam usaha menangani serta mencegah ancaman jenayah siber dan dalam masa yang sama memastikan wujudnya prasarana keselamatan siber yang selamat lagi kondusif di Malaysia.
3. Evolusi industri ICT yang begitu dinamik telah membawa pelbagai faedah serta manafat kepada semua pihak sama ada organisasi mahupun individu. Manakala, bidang keselamatan siber pula memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan persekitaran pembangunan negara yang kompetitif khususnya di era ekonomi digital masa kini.
4. Walaubagaimana pun, teknologi juga diibaratkan sebagai '*double-edged swords*' khususnya dari aspek keselamatan, di mana penyalahgunaan teknologi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab melalui platform siber telah menjadi medium perlakuan ancaman dan membawa cabaran baharu dalam bentuk jenayah siber.



Securing Our Cyberspace



Best Brand
Internet Security
2008 & 2009



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: AR 4656



MS ISO/IEC 17025
TESTING
SAMPI NO. 456
(P/N/PZ MANUFACTURER)



MSC
MALAYSIA
Status Company



Red Chat Online
Private Limited

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)

T +603 8800 7999
F +603 8008 7000
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my

5. Berdasarkan statistik insiden keselamatan siber Pusat Bantuan Cyber999 (kendalian CyberSecurity Malaysia), sehingga Oktober 2020 sebanyak 9,042 laporan dibuat berbanding 8,770 pada tahun 2019 – peningkatan sebanyak 3.1%. Manakala tiga insiden tertinggi yang dilaporkan ialah Penipuan (fraud), Pencerobohan (intrusion) dan Kod Berbahaya (malicious code). Sila rujuk <https://www.mycert.org.my/> untuk statistik terperinci.
6. Dengan tahap risiko semasa, jenis ancaman serta bilangan serangan siber yang berlaku, pendekatan keselamatan siber perlu dilaksanakan secara holistik melibatkan individu (pengguna), proses dan teknologi secara efektif, di mana ianya harus berupaya mengurangkan risiko serangan siber serta dapat melindungi sistem rangkaian dan teknologi itu sendiri
7. Justeru, peruntukan ini akan menyokong usaha serta inisiatif pembangunan program keselamatan siber antaranya program kesedaran keselamatan siber, pembangunan kapasiti dan teknologi serta infrastruktur keselamatan siber bagi tujuan menangani ancaman serta jenayah siber.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.
Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-8800 7999
Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 7242)